



Langkah mengurangkan sisa buangan akan dikenal pasti melalui penajaan opsyen.



Opsyen mengurangkan penggunaan sumber tenaga elektrik, air dan bahan akan disyorkan kepada kilang.

Maklumat yang diperolehi semasa audit akan **dirahsiakan** dan sebarang penerbitan adalah dengan kebenaran pihak syarikat.



Bagi IKS yang berminat menyertai Bantuan Audit Pengeluaran Bersih ini, sila hubungi:-

Unit Industri Hijau

Jabatan Alam Sekitar
Aras 4, Podium 2, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya
Tel : 03-8871 2000
Faks : 03-8881 0920

Untuk maklumat lanjut,
sila layari laman web kami di

cp.doe.gov.my/givc

PROGRAM BANTUAN AUDIT PENGELUARAN BERSIH (CP)



Unit Industri Hijau
Jabatan Alam Sekitar

PROGRAM BANTUAN AUDIT PENGELUARAN BERSIH (CP)

Pengenalan

- Bantuan Audit Pengeluaran Bersih atau lebih dikenali sebagai Cleaner Production (CP) Audit Assistance adalah salah satu program Jabatan Alam Sekitar di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10).
- Bermula pada tahun 2009 dan dilaksanakan bersama perunding, Pusat Penyelidikan Tenaga Diperbaharui, SIRIM Malaysia Berhad.
- Memberi fokus kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
- Merupakan satu galakan dan sokongan Kerajaan bagi mendapatkan komitmen pihak industri dalam mencegah dan mengawal pencemaran di samping pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
- Bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan semua pihak berkepentingan tentang konsep Pengeluaran Bersih yang sangat penting untuk pembangunan ekonomi negara dan persekitaran lestari.
- Sehingga tahun 2012, lebih daripada 150 buah premis IKS telah diberi Bantuan Audit Pengeluaran Bersih dan dari jumlah tersebut 30 IKS dipilih untuk Bantuan Audit Terperinci.
- Pada masa hadapan, program ini akan dikembangkan kepada semua sektor industri.

Kenapa Perlu CP

- Program khidmat nasihat yang dilaksanakan bersama SIRIM Malaysia Berhad ini adalah PERCUMA.
- Meningkatkan pematuhan IKS terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Golongan Sasaran

- Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Objektif Program

Objektif program adalah merentasi banyak sektor seperti sektor proses dan teknologi, alam sekeliling, keselamatan dan kesihatan.

- Meningkatkan pelaksanaan amalan Pengeluaran Bersih di dalam aktiviti IKS.
- Meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi.
- Mengurangkan penggunaan tenaga dan sumber bahan mentah.
- Mengurangkan penghasilan sisa buangan.
- Mengatasi/mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar.
- Menyahut seruan kerajaan ke arah pengurangan kesan karbon.
- Menangani isu perubahan iklim dan pemanasan global.

Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan Bantuan Audit Pengeluaran Bersih adalah mengikut langkah-langkah berikut:-

- Menentukan objektif dan skop audit.
- Menjalankan pra-penilaian CP.
- Menjalankan lawatan audit terperinci CP.
- Melengkapkan imbangan bahan dan tenaga bagi proses pengeluaran.
- Mengenal pasti opsyen CP.
- Pelaksanaan opsyen CP oleh premis.

Faedah-Faedah CP

Dengan melaksanakan amalan CP, IKS memperoleh banyak faedah di antaranya:-

- Meningkatkan daya pengeluaran syarikat.
- Meningkatkan ekonomi dan pendapatan syarikat.
- Melahirkan IKS yang berdaya saing.
- Meningkatkan imej syarikat.
- Membantu meningkatkan kualiti alam sekeliling secara berterusan.
- Menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan selamat.
- Mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.



Lawatan Audit CP